

15 JAN 2003

SBB-PKS/I

SBB KOMITED BERIKAN PINJAMAN KEPADA PKS, PEMINJAM KECIL

KUALA LUMPUR, 15 Jan (Bernama) -- Southern Bank Bhd (SBB) tetap komited untuk menyediakan pinjaman kepada peminjam kecil terutama perusahaan kecil dan sederhana (PKS) kerana ia merupakan satu daripada bahagian tumpuan utama bank itu, kata ketua pengarah eksekutifnya Datuk Tan Teong Han, hari ini.

Ketika ini PKS membentuk 30 peratus daripada jumlah pinjaman yang diluluskan oleh SBB, katanya.

"Sepanjang pengetahuan kami, kami memang menyediakan perkhidmatan kepada pasaran-pasaran tersebut," katanya kepada pemberita selepas pelancaran kad kredit SBB BlueChip Mastercard di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas mengenai kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Sabtu lalu bahawa peminjam-peminjam kecil biasanya tidak mendapat banyak perhatian daripada bank-bank tempatan.

Tan berkata malahan SBB telah menubuhkan satu bahagian khas dalam bank itu untuk berurusan dengan peminjam PKS.

Kad kredit SBB terbaru itu adalah kad pintar yang mematuhi standard EMV (European Mastercard and Visa) dan dilengkapi dengan keupayaan pelbagai guna. Ia mengandungi 16KB cip dan menggunakan platform operasi kad pintar MULTOS yang canggih, stabil dan lebih selamat.

Kad kredit itu disasarkan untuk memenuhi keperluan golongan profesional muda yang celik IT dan teknologi. -- BERNAMA

NM SHY ZK